

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD HAMZAH [JASIN]
TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)
SOALAN : Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kedudukan Food Security Negara bagi tempoh sekarang hingga tiga tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara keseluruhan, pengeluaran makanan utama negara yang terdiri daripada beras, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan ikan makanan telah meningkat daripada 7.8 juta tan metrik pada tahun 2011 kepada 8.2 juta tan metrik pada tahun 2013 iaitu pada kadar pertumbuhan purata 2.2% setahun. Pada masa yang sama, kadar penggunaan makanan utama turut meningkat daripada 11.3 juta tan metrik pada tahun 2011 kepada 11.8 juta tan metrik pada tahun 2013 dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 2.8% setahun. Peningkatan terhadap penggunaan makanan tersebut adalah berikutan daripada pertambahan penduduk Malaysia daripada 29.06 juta orang kepada 29.95 juta orang bagi tempoh yang sama.

Dasar Agromakanan Negara (DAN) yang digubal bagi tempoh 2011 hingga 2020 melalui 3 objektif utamanya iaitu menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan, menjadikan industri agromakanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan serta meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani telah mengunjurkan bahawa pengeluaran komoditi makanan utama akan terus ditingkatkan.

Bagi tempoh tiga tahun akan datang pula (2014 hingga 2016), pengeluaran komoditi makanan utama diunjur terus meningkat sebanyak 3.9% setahun iaitu daripada 8.8 juta tan metrik pada tahun 2014 kepada 9.5 juta tan metrik pada tahun 2016. Unjuran pengeluaran komoditi makanan utama bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

- i) Beras diunjurkan meningkat daripada 1.77 juta tan metrik (2014) kepada 1.80 juta tan metrik (2016);
- ii) Buah-buahan diunjurkan meningkat daripada 2.04 juta tan metrik (2014) kepada 2.20 juta tan metrik (2016);
- iii) Sayur-sayuran diunjurkan meningkat daripada 0.9 juta tan metrik (2014) kepada 1.1 juta tan metrik (2016);
- iv) Daging lembu/ kerbau diunjurkan meningkat daripada 57 ribu tan metrik (2014) kepada 62 ribu tan metrik (2016);
- v) Daging kambing/ bebiri diunjurkan meningkat daripada 4 ribu tan metrik (2014) kepada 6 ribu tan metrik (2016);
- vi) Daging ayam/ itik diunjurkan meningkat daripada 1.46 juta tan metrik (2014) kepada 1.55 juta tan metrik (2016);
- vii) Pengeluaran daging babi dikekalkan pada tahap 231 ribu tan metrik bersesuaian dengan dasar semasa untuk mengekalkan ladang ternakan haiwan berkenaan;
- viii) Telur ayam/ itik meningkat daripada 630 ribu tan metrik (2014) kepada 674 ribu tan metrik (2016);
- ix) Susu meningkat daripada 84 ribu liter (2014) kepada 94 ribu liter (2016); dan
- i) Ikan makanan meningkat daripada 1.56 juta tan metrik (2014) kepada 1.71 juta tan metrik (2016).

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan sasaran yang telah diunjurkan di bawah DAN, beberapa langkah telah dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara melalui :-

- i) pelaksanaan Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian;

- ii) penggunaan tanah pertanian secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri;
- iii) pembangunan tanah terbiar yang ketika ini dianggarkan berjumlah 100,000 hektar dibangunkan khususnya bagi tanaman padi dan lain-lain aktiviti pertanian;
- iv) pembangunan empat (4) kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan (7,211 hektar) dan Rompin (3,094 hektar) di Pahang, Batang Lupar (5,100 hektar) di Sarawak dan Kota Belud (8,500 hektar) di Sabah sebagai jelapang padi Negara yang baru. Dengan pembukaan empat (4) IADA baru seluas 23,905 hektar ini, pengeluaran padi negara akan dapat ditingkatkan, kadar import beras dari Negara luar dapat dikurangkan seterusnya tahap sara diri (SSL) beras iaitu 71.7% ketika ini turut dapat ditingkatkan;
- v) penumpuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada peningkatan pengeluaran hasil secara mampan. Antara bidang tumpuan R&D meliputi pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau. Antara penemuan terbaru R&D adalah pembangunan teknologi padi "Aerob" iaitu teknologi baru tanaman padi tanpa air bertakung;
- vi) pembangunan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan. Ia akan dilaksanakan melalui projek-projek seperti Projek Terminal Makanan Negara (TEMAN), Program Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Program Keusahawanan Agrobazaar Kedai Rakyat dan Motosikal Roda Tiga serta Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) di seluruh Negara; dan

- vii) penglibatan aktif pihak swasta dalam menjana peningkatan pengeluaran makanan dalam negara akan terus digalakkan dengan perluasan insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agrobank dan TEKUN dan akses kepada pembiayaan akan diperbaiki.

Bagi sayur-sayuran dan buah-buahan, pengeluarannya adalah mencukupi dengan adanya 70 buah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) seluas 3,415 hektar dengan luas berhasil seluas 1,463 hektar. Pengeluaran TKPM pada tahun 2013 adalah sebanyak 11.4 juta MT manakala nilai pengeluaran adalah sejumlah RM15 juta.

Walau bagaimana pun, sayur-sayuran seperti kubis, bawang dan sayuran beriklim sejuk yang tidak begitu sesuai ditanam di Negara kita masih perlu terus diimport dari negara luar bagi memenuhi permintaan dalam negara.